

Ucapan Perasmian

Datuk Haji Fadillah Yusof

Menteri Kerja Raya

Malam Penghargaan Industri dan Perlancaran Build Brigade

25 November 2013

Bismillahirahmanirahim

Terima kasih saudara pengerusi majlis

Yang Berhormat Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin

Timbalan Menteri Kerja Raya

Yang Berhormat Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Ybhg Datuk Ir Hamzah Hasan

Pengerusi CIDB

Ybhg Dato' Sri Ir Dr Judin Abd Karim

Ketua Eksekutif CIDB

Ybhg Dato' Seri Ir. Haji Mohd Noor Bin Yaacob

Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya

Ybhg Dato' Ir Hj. Ismail bin Md. Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berusaha Encik Zainudin bin Zakaria

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan,

Kementerian Kerja Raya

Yang Berusaha Encik Sarani Bin Dollah

Timbalan Ketua Setiausaha Operasi, Kementerian Kerja Raya

Dif dif Kenamaan dan jemputan, penggiat industri pembinaan, para hadirin yang saya hormati sekalian,

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya kita semua dapat hadir ke Majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Malam Penghargaan Industri dan Pelancaran Build Brigade.
2. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada CIDB Malaysia kerana menganjurkan majlis ini sebagai satu penghargaan kepada para penggiat industri pembinaan dan agensi-agensi berkaitan yang telah menyumbangkan kepakaran, buah fikiran, masa dan tenaga dengan melibatkan diri di dalam pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan untuk penambahbaikan industri pembinaan keseluruhannya.

Para hadirin sekalian,

3. Malam penghargaan industri ini adalah majlis yang julung-julung kali diadakan oleh CIDB untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada individu, rakan industri dan agensi yang telah menyumbang kepada pembangunan industri pembinaan negara. Pengiktirafan ini adalah bagi menghargai penglibatan organisasi serta individu dalam industri pembinaan yang telah menyumbangkan tenaga dan masa mereka dalam menganggotai pelbagai jawatankuasa, kumpulan kerja dan khidmat pakar. Penglibatan individu, organisasi dan syarikat-

syarikat ini bersama CIDB banyak memanfaatkan industri pembinaan negara. Kerjasama strategik ini haruslah dipupuk dan diteruskan di masa-masa akan datang demi kemajuan dan pembangunan industri pembinaan negara.

4. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penglibatan orang ramai dalam penggubalan dasar-dasar kerajaan bagi membolehkan dasar yang digubal itu dapat dilaksanakan dengan jayanya dan memenuhi kehendak rakyat. Justeru, pelbagai jawatankuasa dan kumpulan kerja ditubuhkan bagi membincangkan isu-isu berkaitan industri pembinaan. Antara Jawatankuasa yang ditubuhkan ialah Jawatankuasa Panel Pakar untuk Mengkaji Semula Amalan Industri Pembinaan Malaysia. Saya difahamkan laporan panel pakar ini hampir siap dan akan dibentangkan kepada kabinet tidak lama lagi. Kerja-kerja yang dilakukan oleh ahli panel pakar ini bukanlah mudah kerana selain menjalankan tugas sehari-hari ditempat kerja masing-masing, mereka perlu mengambil masa untuk menjalankan tugas di dalam Jawatankuasa terbabit. Kajian, siasatan dan mesyuarat yang diadakan adakalanya memakan masa beberapa hari sehingga memerlukan mereka bekerja pada hujung minggu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Pada majlis ini juga kita akan mengiktiraf syarikat-syarikat serta agensi yang bekerjasama dan memberi sumbangan di dalam projek CSR yang akan kita lancarkan pada hari ini iaitu *Build Brigade*.
6. Saya difahamkan empat projek melibatkan aktiviti membaik-pulih dan juga membina kemudahan seperti balairaya dan tabika sedang dilaksanakan oleh Build Brigade. Ini termasuk pembinaan sebuah pusat komuniti untuk masyarakat Penan yang berharga RM250,000 di Long Keluan, Miri Sarawak, yang dijadual akan siap pada akhir Januari 2014. Perkampungan ini di sambung ke Bandar terdekat, iaitu Miri hanya melalui jalan balak yang berdebu ketika cuaca panas dan licin ketika hujan dengan perjalanan mengambil masa kira-kira lima jam. Justeru amatlah jelas, usaha membawa masuk bahan-bahan binaan ke kawasan kampung itu sendiri sangatlah mencabar dan memakan belanja yang tinggi.
7. Selain projek di Long Keluan, Build Brigade turut melaksanakan projek pembinaan pusat komuniti di Perkampungan Orang Asli Sungai Miak, Janda Baik, Pahang, dengan kos sebanyak RM160,000, yang dijangka siap pada akhir Februari 2014. Dua lagi projek yang turut

dilaksanakan ialah membaik pulih pusat komuniti di Perkampungan Orang Asli Sungai Berua, Hulu Terengganu yang dijangka siap akhir bulan November ini, dan membaik pulih Tabika di Perkampungan Orang Asli Post Brooke, Gua Musang, Kelantan, yang dijangka siap akhir Disember tahun ini. Kedua-dua projek di Terengganu dan Kelantan ini masing-masing melibatkan kos RM100,000. Saya mengucapkan syabas kepada mereka yang terlibat di dalam semua projek pembinaan Build Brigade ini.

8. Usaha murni yang dilakukan oleh *Build Brigade* ini untuk turun dan membantu komuniti di kawasan pedalaman sememangnya dipuji, wajar dicontohi dan mestilah diteruskan pada masa-masa akan datang.

Para hadirin sekalian,

9. Malam ini kita meraikan mereka yang sentiasa bersedia memberi sumbangan di dalam pelbagai bentuk untuk meningkatkan prestasi dan pembangunan industri pembinaan negara. Sumbangan tuan-tuan dan puan-puan ini adalah amat berharga dalam pembangunan dan kemajuan industri pembinaan negara. Adalah diharapkan agar usaha-usaha murni ini dapat dipertingkatkan di masa-masa akan datang agar lebih banyak

individu, organisasi dan syarikat dapat bersama-sama terlibat dalam membawa industri pembinaan Negara ke tahap yang lebih cemerlang.

10. Akhir kata saya sekali lagi mengalu-alukan kehadiran semua ke majlis penghargaan industri ini dan dengan lafaz Bismillahirahmanirahim saya dengan rasminya melancarkan Program Build Brigade.

Sekian, terima kasih.